


**SEBUT HARGA DALAM TALIAN**



**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**BAGI**

**PEMBANGUNAN SEBAHAGIAN TAMAN WETLAND FASA 1 DI  
KAWASAN LAPANG JALAN BUNGA ROS, PUCHONG BATU 14,  
UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.**

<b>NO. SEBUT HARGA</b>	<b>MBSJ.KUB.400-5/7/9</b>
<b>TARIKH BUKA</b>	<b>24 MAC 2021</b>
<b>TARIKH TUTUP</b>	<b>06 APRIL 2021</b>
<b>MASA TUTUP</b>	<b>12:00 TENGAHARI</b>

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,  
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,  
47610 SUBANG JAYA,  
SELANGOR D.E.  
[www.mbsj.gov.my](http://www.mbsj.gov.my)**

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/9

PEMBANGUNAN SEBAHAGIAN TAMAN WETLAND FASA 1 DI KAWASAN LAPANG  
JALAN BUNGA ROS, PUCHONG BATU 14, UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG  
JAYA.

SENARAI KANDUNGAN		
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS1 –SS3
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN F	F1
C	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 – APK 10
D	BORANG SEBUT HARGA DAN SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA	BS 1 – BS 8
E	PENENTUAN KERJA	PK 1/15 – PK 15/15
F	<i>PREAMBLES</i>	P1
G	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS 1
H	SENARAI KUANTITI	BQ 1 – BQ 7
J	MAKLUMAT PETENDER	MP1 – MP12
K	PELAN / LOKASI / LUKISAN / GAMBAR / JADUAL KERJA	K1



# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN A**

### **SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER**

## SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA

### **PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGADAN MAKLUMAT PETENDER.**

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan sebut harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. justeru itu tender kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli jawatankuasa tender di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum sebut harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **sebut harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

## SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER (KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan  / bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Sila tandakan  x bagi dokumen-dokumen yang tidak disertakan atau tidak berkaitan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender /Sebut Harga
1	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Surat Akuan Pembida (Lampiran F) yang telah siap diisi dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b> .	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Borang D atau Borang E bagi kontraktor / pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 <b>(Wajib)</b> .	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Borang Teras (Super Form) bagi kontraktor / pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016 <b>(Wajib)</b> .	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	atau salinan Sijil Perakuan Pendaftaran (SPP) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan / atau Sijil Taraf Bumiputra (STB) oleh PKK (bagi kerja dikhususkan kepada Bumiputera) <b>(Wajib)</b> .	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender /Sebut Harga
7	Petender dikehendaki mengemukakan Resit Pembelian Dokumen Sebut Harga di dalam Talian sebagai bukti pembelian.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Lain-lain (Sila nyatakan) :  <div style="margin-left: 20px;">i) _____</div> <div style="margin-left: 20px;">_____</div> <div style="margin-left: 20px;">ii) _____</div> <div style="margin-left: 20px;">_____</div>	<input type="checkbox"/>   <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>   <input type="checkbox"/>

**PENGESAHAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar.

Tandatangan :

Nama:

Jawatan :

Tarikh :

**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**

Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....

Tandatangan :

Nama:

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama:

Jawatan :

Tarikh :

\* Sila potong mana tidak berkenaan.



# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN B**

### **SURAT AKUAN PEMBIDA - LAMPIRAN F**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Bagi**

**PEMBANGUNAN SEBAHAGIAN TAMAN WETLAND FASA 1 DI KAWASAN LAPANG  
JALAN BUNGA ROS, PUCHONG BATU 14, UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG  
JAYA.**

**MBSJ.KUB.400-5/7/9**

Saya, .....nombor K.P. ....yang mewakili.....  
.....nombor Pendaftaran.....dengan ..... ini  
mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak  
akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Bandaraya  
Subang Jaya** atau mana-mana individu lain, sebagai sokongan untuk dipilih dalam  
~~tender~~/sebut harga\*seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi  
saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba  
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Bandaraya  
Subang Jaya** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam  
~~tender~~/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-  
tindakan berikut diambil:

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi ~~tender~~/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi ~~tender~~/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang  
berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau  
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam  
~~tender~~/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan  
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)  
atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....  
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: i) \*Potong mana yang tidak berkenaan.





# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN C**

### **ARAHAN KEPADA PETENDER**



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN D**

**BORANG SEBUT HARGA  
DAN SYARAT-SYARAT  
MEMBUAT SEBUT HARGA**

## MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

### BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : **PEMBANGUNAN SEBAHAGIAN TAMAN WETLAND FASA 1 DI KAWASAN LAPANG JALAN BUNGA ROS, PUCHONG BATU 14, UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.**

Mengikut Pelan-Pelan No. . RUJUK SENARAI PELAN dan lain-lain pelan terperinci yang diberi untuk menerangkannya.

Salinan-salinan Dokumen Meja Sebut Harga yang merangkumi Perjanjian Kontrak, Pelan-pelan tersebut di atas, Spesifikasi dan Dokumen Sebut harga yang lain boleh dilihat di tempat yang dinyatakan dalam Notis Sebut Harga dalam masa waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja hingga tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga.

---

Kepada :

Datuk Bandar.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

( pihak yang menerima Sebut Harga )

Tuan,

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Membuat Sebut Harga yang dilampirkan bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat Sebut harga dan menawar untuk melaksana dan menjalankan Kerja dan peruntukan-peruntukan dan membekalkan semua buruh, bahan dan loji dan segala benda dari tiap-tiap jenis yang masing-masing disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam, atau yang hendaklah ditakrifkan daripada Dokumen Sebut Harga, yang hendaklah dilaksana dan dibekalkan oleh pihak Kontraktor, bagi Kerja yang diperihalkan di atas, dengan menepati Dokumen Sebut Harga tersebut bagi jumlah wang pukal yang disebutkan di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menjadi terikat oleh dan tunduk kepada Syarat- Syarat Kontrak dan Spesifikasi tersebut dan bersetuju bahawa sebelum Surat Setuju Terima Sebut Harga dikeluarkan, harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan Ringkasan Sebut Harga hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa dengan memastikan kemunasabahannya tanpa mengubah amaun yang dinyatakan di dalam Borang Sebut Harga.

3. Dan selanjutnya yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menyiapkan Kerja-kerja itu dalam masa.....( ) **minggu** dari tarikh pemilikan tapakbina atau dalam apa-apa jua tempoh lanjutan yang diperuntukkan dalam Syarat-Syarat Kontrak.

4. Jumlah amaun Sebutharga ini ialah jumlah wang pukat sebanyak **Ringgit Malaysia:** .....  
.....iaitu, **RM** .....

5. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujui atau menolak Sebut harga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada Sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

6. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika Sebut harga ini disetujui, mendeposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat SetujuTerima Sebut Harga tetapi sebelum bermulanya kerja, perkara-perkara berikut:

- (a) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (b) Polisi Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);
- (d) Petender akan menanggung kos penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk jadual Fi bayaran di **Lampiran A** dalam **Arahan Kepada Petender**.

Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

7. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju jika kerja-kerja gagal dimulakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak, pengambilan kerja di bawah kontrak akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-Syarat Kontrak.
  
8. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang Sebut harga ini berserta Surat Setujuterima Sebut harga (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita.
  
9. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun Sebut harga ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Sebut Harga.
  
10. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:
  - (a) Jika Sebut harga ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Sebut Harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
  - (b) Jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janji tambahan kepada Sebut Harga ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga atau,
  - (c) Jika sekiranya Sebut Harga telah disetujuterima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau tidak meneruskan Kerja, maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 2021.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Petender

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Atas Sifat : \_\_\_\_\_

Pekerjaan : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Yang diberikuasa dengan sepenuhnya  
Untuk menandatangani Sebut Harga ini untuk  
dan bagi pihak :

\_\_\_\_\_  
(Meteri atau Cop Petender)

## SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA

1. Keseluruhan Kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga yang ditunjukkan di atas Meja tawaran (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Tawaran") akan diberi secara Kontrak.

2. (a) Tiap-tiap petender mestilah menyerahkan, dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeterai yang dialamatkan sebagaimana ditetapkan dalam Notis Sebut harga, suatu Sebut harga yang sah dalam Borang Sebut Harga yang diperuntukkan, bersama dengan salinan Spesifikasi (jika ada diberikan) dengan sempurnanya dan Ringkasan Sebut Harga yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Sebut Harga yang tak lengkap atau tak bertandatangan akan ditolak.

(b) Tiap-tiap petender mestilah mencatatkan, dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Sebut Harga, masa yang akan dikehendakinya bagi menyiapkan Kerja itu.

(c) Petender hendaklah di mana sahaja dikehendaki dalam Dokumen Sebut harga, meletakkan harga dalam Jadual Kadar Harga yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh petender. Sebelum Surat Setuju terima dikeluarkan, harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan Ringkasan Sebut Harga hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa dengan memastikan kemunasabahnannya tanpa mengubah amaun yang dinyatakan di dalam Borang Sebut harga.

3. Jika mana-mana petender:

- (a) menarik balik Sebut harganya sebelum tamat Tempoh Sah Sebut Harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) mengenakan had, syarat atau janji tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut Harga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik Sebut harga ini), atau
- (c) jika sekiranya Sebut harga telah disetujuterima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans/ Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) atau tidak meneruskan Kerja;

maka, dalam mana-mana hal itu, Majlis hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

4. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Sebut harga atau mana-mana Dokumen Sebut Harga yang lain.
5. (a) Sebut harga-sebut harga dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Klausa 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga.
  - (b) Jika sesuatu Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi Sebut harganya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.
  - (c) Mana-mana Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.
  - (d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan Sebut harganya boleh dibayar kepadanya.
6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang petender diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen Sebut Harga, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskan hatinya bahawa salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Tawaran. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada petender dengan salinan dalam Dokumen Meja Tawaran atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Penguasa supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pegawai Penguasa atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Memorandum Sebut harga yang hendaklah dihantar kepada semua petender. Memorandum Sebut harga itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga dan Sebut harga yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan pada huraian, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandunginya.
7. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan Sebut harganya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke Tapakbina, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luarjangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut harganya.



8. Sebut harga-sebut harga hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan Sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga (dalam Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini disebut "Tempoh Sah Sebut harga") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

9. Majlis tidak boleh terikat menyetujui Sebut Harga yang rendah sekali atau sesuatu Sebut harga dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu Sebut harga.

10. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang Sebut harganya dengan surat (disebut "Surat Setujuterima Sebut harga") dalam Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan. Petender tersebut hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya Kerja menandatangani dengan Pegawai Penguasa, perkara-perkara berikut:

- (a) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (b) Polisi Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);

Petender tersebut hendaklah selanjutnya menandatangani Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

11. Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Sebut Harga hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan Sebut harganya.

12. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam Sebut Harga itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.

13. Perkataan "petender yang berjaya" hendaklah bererti bahawa petender yang mana Sebut harganya telah diluluskan dan disetujui oleh Majlis.

14. Perkataan "petender" dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.

15. Jika petender tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka Sebut harganya boleh ditolak.

16. Syarat-Syarat Membuat Sebut Harga ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.

17. Petender akan dikenakan **Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)** sekiranya tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah ditawarkan atau apa-apa dalam tempoh lanjutan yang diperuntukan seperti dibawah :-

$$LAD \text{ perday} = \frac{\% PR \times \text{Contract Sums}}{365 \text{ day}}$$

*\*(Subject to a minimum of RM100/- perday)*

18. Petender adalah terikat dengan Syarat-Syarat Kontrak dan Addenda Syarat-Syarat Kontrak P.W.D Form 203 (Rev. 1/2010) yang akan digunapakai untuk kerja-kerja ini.

19. Petender adalah **diwajibkan mengemukakan Borang 49 dan 24** untuk perniagaan Sendirian Berhad dan **Borang D** atau **Borang E** untuk perniagaan tunggal bersama-sama dengan Dokumen Sebut harga ini. Petender yang gagal mengemukakan borang-borang berkenaan akan menjejaskan penilaian Sebut harga dan kemungkinan besar petender tidak akan dipertimbangkan.

20. Sekiranya kontraktor membuat **tuntutan palsu atau penipuan**, pihak MBSJ akan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan tersebut dan kontrak kerja akan ditamatkan serta merta.



# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN E**

### **PENENTUAN KERJA**



# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN F**

### ***PREAMBLES***



# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN G**

### **RINGKASAN SEBUT HARGA**



# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN H**

### **SENARAI KUANTITI**



# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN J**

### **MAKLUMAT PETENDER**



# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN K**

**PELAN / LOKASI / LUKISAN/  
GAMBAR / LAMPIRAN  
BERKAITAN**